

Skim haji: Dr. M minta KWSP buat kajian teliti

UM 1 2 MAY 2002

Oleh AKMAR
HISHAM MOKHLES

SHAH ALAM 11 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat kajian teliti berhubung cadangan membenarkan ahlinya mengeluarkan caruman untuk mengerjakan ibadat haji.

Perdana Menteri berkata, beliau bimbang jika terlalu banyak skim pengeluaran diwujudkan akan menyebabkan baki simpanan ahlinya tinggal sedikit dan tidak mencukupi untuk perbelanjaan mereka apabila bersara nanti.

Tambahan pula katanya, KWSP telah pun menyediakan banyak skim pengeluaran untuk ahlinya seperti pembelian kenderaan, rumah dan komputer.

“Belanja haji ini belanja

hangus. Kalau keluar banyak sangat caruman akhirnya bila orang itu bersara, dia cuma dapat sedikit sahaja (wang) dan mungkin tidak mencukupi untuk menyara hidup,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan utama pada majlis sambutan ulang tahun penubuhan UMNO ke-56 di Stadium Melawati di sini.

Semalam Pengerusi KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata, pihaknya bersedia membuat kajian sebelum membenarkan ahli-ahli badan berkanun tersebut yang beragama Islam mengeluarkan wang bagi menunaikan haji.

Kajian itu perlu dilakukan selepas skim berkenaan dicadangkan oleh Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman kelmarin.

Bagaimanapun, Presiden

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S. M. Mohamed Idris menggesa KWSP menolak cadangan untuk memperkenalkan skim pengeluaran itu atas alasan ia boleh mengurangkan lagi simpanan ahli-ahli.

Malah kata Mohamed Idris, kewujudan banyak skim pengeluaran wang akan menyebabkan KWSP terpesong daripada tujuan asal penubuhan iaitu untuk menyediakan pekerja dengan simpanan di usia tua mereka.

Dr. Mahathir menambah, jika terlalu banyak wang dikeluarkan juga akan menyebabkan pesara menghadapi masalah untuk meneruskan kehidupan jika jatuh sakit.

“Bila kita dah tak boleh bekerja esok, tak ada duit...lepas itu kita menangislah, sedihlah. Masa itu sudah lewat dah,” katanya.